

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' IR HAJI NAWAWI BIN AHMAD
[LANGKAWI]**

TARIKH : 10.06.2015 (RABU)

Dato' Ir. Haji Nawawi bin Ahmad [Langkawi] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah Kerajaan bercadang untuk mengarahkan pekedai menggunakan warna berasingan pada tanda harga GST dan sifar GST agar pengguna tidak keliru dan lebih berhati-hati dalam pembelian barangan keperluan mereka.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Berikutan cadangan daripada YB Langkawi berkaitan warna berasingan pada tanda harga GST dan sifar GST agar pengguna tidak keliru dan lebih berhati-hati dalam pembelian barangan keperluan mereka, Kementerian mengambil maklum dan akan mengkaji kaedah yang terbaik dalam memastikan aktiviti penguatkuasaan terhadap perkara ini mantap dan pengguna dapat menerima faedah dan kebaikannya.

Pada masa ini, Kementerian ini telah mengambil beberapa langkah dalam memastikan tanda harga jelas, tidak keliru dan boleh diperolehi oleh pengguna pada setiap masa seperti:

- i) mengeluarkan Notis Makluman Standard kepada kesemua pihak peruncit bagi mengatasi isu perubahan penandaan harga selepas pelaksanaan GST dan memastikan semua harga yang dipamerkan adalah termasuk GST. Pihak-pihak peruncit telah diberikan tempoh masa selama 2 minggu iaitu 14 hari bermula daripada 1 hingga 14 April 2015 untuk membuat perubahan harga ke atas semua barangan yang dijual, termasuk GST;
- ii) membenarkan pihak pengilang / pengedar membuat paparan dua harga *Recommended Retail Price* (RRP) dalam pembungkusan bagi cetakan terhadap bungkusan dalam tempoh peralihan ini. Harga yang dipaparkan tersebut adalah harga sebelum GST dan selepas GST. Ini sebagai langkah untuk memberi makluman yang jelas kepada pengguna berhubung harga yang patut dikenakan oleh peruncit sebelum dan selepas GST. Pada masa yang sama pengguna juga boleh mengetahui harga yang perlu dibayar

sekiranya produk tersebut dijual sebelum pelaksanaan GST;

- iii) penandaan harga barang dibuat melalui penandaan harga yang sedia ada dengan memberikan petunjuk yang jelas sekiranya sesuatu barang tersebut adalah berkadar sifar; dan
- iv) selaras dengan Seksyen 8 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dan Seksyen 15 Akta Perihal Dagangan 2011, harga yang dinyatakan atau ditentukan hendaklah termasuk semua cukai, duti dan apa-apa caj kerajaan yang lain.

Justeru itu, Kerajaan berharap melalui penetapan dan penguatkuasaan peraturan-peraturan berkenaan, pihak peniaga tidak akan mengambil kesempatan terhadap para pengguna dan akan mengamalkan budaya beretika baik semasa menjalankan perniagaan secara adil, jujur, bertanggungjawab dan berintegriti.